

TARIKH	10 / 6 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	49	RUANGAN	Global

Tempoh visa dihad 14 hari

Riyadh: Kementerian Haji Saudi mengambil keputusan mengehendkan tempoh visa bagi mengerjakan umrah kepada 14 hari saja.

Langkah itu dibuat kerana kerja pembesaran kawasan tawaf di Masjidil Haram,

Menurut surat pekeliling yang dihantar kepada agensi umrah di negara itu dan juga kedutaan Saudi di luar negara dua hari lalu, peraturan baru itu berkuasa hari ini.

"Ya, kami menerima surat pekeliling daripada Kedutaan Saudi di New Delhi memaklumkan jemaah umrah hanya diberi visa 14 hari bermula 1 Syaaban," kata Mohammad Abdul Razzak, ejen pelancongan di Hyderabad, India.

Mengurangkan kesesakan

- Visa umrah dihadkan kepada 14 hari kerana kerja pembesaran kawasan tawaf
- Makkah mengalami kesesakan tenak dengan hotel ditempah penuh
- Agensi umrah berkata, kuota mereka dikurangkan sebanyak 50 peratus

Visa perlu dicop dalam masa 14 hari selepas dikeluarkan jemaah perlu bertempas ke Makkah dalam masa 14 hari dan pulang selepas 14 hari



Menurutnya, ia pasti mengejutkan ratusan masyarakat Islam India yang mengerjakan umrah dan menziarah Makkah serta Madinah ketika Ramadan.

"Biasanya, setiap orang berlepas ke Arab Saudi untuk tujuan beribadah mahu kekal selama mungkin di Makkah dan Madinah.

"Bagaimana-pun, kami dimaklumkan keadaan begitu sesak di Makkah dan hotel habis ditempah untuk dua bulan akan datang," katanya.

Pekerja sebuah agensi umrah di Jeddah, Rahman

Azim berkata, peraturan itu dikuatkuasakan kepada semua orang.

"Ada kesan baik hasil tindakan itu. Ia akan mendorong lebih ramai orang menunaikan umrah," katanya.

Agensi umrah tempatan berkata, kuota mereka dikurangkan 50 peratus.

"Kami diberikan separuh daripada yang kami peroleh selama ini. Ini menyebabkan kami membatalkan tempahan hotel terlebih dulu sebagai perseediaan menghadapi kedatangan jemaah," kata Nusrat, kakitangan sebuah agensi itu.

FAKTA

Tempoh visa dihadkan kepada 14 hari berikutan kerja pembesaran kawasan tawaf